



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

BERPEGANG ATAS MANHAJ YANG BENAR

Tarikh Dibaca:

**23 RABIULAWAL 1446H /
27 SEPTEMBER 2024**

Disediakan oleh:
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



جَامِعَةِ إِسْلَامِ مَالَيْسِيَا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

BERPEGANG ATAS MANHAJ YANG BENAR

27 SEPTEMBER 2024 / 23 RABIULAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ :

أَعُوذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِنَّ هَذَا صِرَاطِي مُسْتَقِيمًا فَاتَّبِعُوهُ وَلَا تَشْتَرِقُوا السُّبُلَ فَتَفَرَّقَ بِكُمْ عَنْ سَبِيلِهِ ذَلِكُمْ

وَصَاحُبُوكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ١٠٣ (سورة الأنعام)

أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسِلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللّٰهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Perbanyakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam rahmat Allah SWT. Berikan sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan janganlah melakukan perkara-perkara *lagha* seperti berbual-bual dan bermain telefon bimbit. Mudah-mudahan khutbah ini akan memberi banyak pengajaran kepada kita semua.

Dengarkan baik-baik, kerana pada hari ini saya akan membicarakan khutbah yang bertajuk: “**Berpegang Atas Manhaj Yang Benar**”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam ialah satu-satunya cara hidup yang diterima dan diredhai oleh Allah SWT. Memilih selainnya merupakan satu kerugian yang sangat besar sama ada di dunia lebih-lebih lagi pula di akhirat nanti. Negara kita telah menetapkan bahawa pegangan umat Islam di negara ini ialah berdasarkan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah. Lalu, bagaimana yang dikatakan sebagai Ahli Sunnah wal Jamaah, ketika masing-masing mendakwa mereka adalah Ahli Sunnah wal Jamaah? Maka secara ringkasnya, Ahli Sunnah wal Jamaah ialah golongan yang mengikuti pegangan Nabi SAW atau mengikuti jalan Nabi SAW dan para sahabat *radhiallahu anhum* yang dididik oleh Baginda. Istilah Ahli Sunnah wal Jamaah ini dirumuskan oleh para ulama berdasarkan hadis-hadis Nabi SAW, antaranya hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi, daripada Abdullah bin ‘Amru *radhiallahu anhuma* bahawa Rasulullah SAW bersabda;

وَإِنَّ بَنِي إِسْرَائِيلَ تَفَرَّقُتْ عَلَىٰ ثَنَتِينَ وَسَبْعِينَ مِلَةً وَتَفَرَّقَ أَمْتِي عَلَىٰ ثَلَاثَ وَسَبْعِينَ مِلَةً

كُلُّهُمْ فِي النَّارِ إِلَّا مِلَةٌ وَاحِدَةٌ قَالُوا مَنْ هِيَ يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ مَا أَنَا عَلَيْهِ وَأَحْبَابِي

Maksudnya: “Sesungguhnya Bani Israel telah berpecah kepada 72 kelompok. Manakala umatku akan berpecah kepada 73 kelompok. Kesemuanya akan dimasukkan ke neraka, kecuali satu kelompok. Mereka bertanya, “siapakah mereka itu, wahai Rasulullah?” Baginda SAW menjawab, mereka ialah golongan yang berpegang dengan ajaranku dan para sahabatku”.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Isu ajaran sesat dan menyeleweng bukanlah suatu isu baharu bahkan ia telah bermula sejak sekian lama. Allah SWT mengutuskan para nabi-Nya, termasuk Nabi Adam AS untuk menyeru manusia menyembah Allah SWT dan menjauhi *taghut*. Kelompok ajaran sesat terawal ialah pengikut kepada individu yang mengaku sebagai nabi selain Rasulullah SAW, antaranya ialah Musaylamah al-Kazzab.

Penyebaran ajaran sesat juga terus berkembang dan berubah merentasi zaman menggunakan pelbagai cara untuk menarik pengikut dan mencapai keuntungan peribadi. Namun, kebatilan yang dibawa tidak dapat mematahkan kebenaran Islam yang suci.

Negara kita juga tidak terlepas daripada ancaman penyebaran ajaran sesat. Ajaran sesat yang timbul membawa bermacam bentuk doktrin dan fahaman. Ada yang mengingkari kandungan dan kebenaran al-Quran, ada pula yang mendakwa diri sebagai nabi atau rasul, ada juga yang mentafsir al-Quran secara salah, juga yang mengkafirkan sesama Muslim tanpa dalil syar'i, juga yang mendewa-dewakan pemimpin hingga melampaui batas syarak.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah tidak mendorong umatnya untuk bersikap ekstrem. Sebaliknya manhaj ini sangat menganjurkan umatnya berkasih sayang dan bersederhana. Timbulnya ekstremisme dalam kelompok masyarakat apabila mereka merasakan bahawa dirinya atau kelompoknya sahaja yang benar, atau menganggap guru-guru mereka sahaja yang betul dan macam-macam lagi dakwaan. Ia tidak lain berpunca dari sikap fanatik atau taksub membuta tuli.

Bahayanya sikap ekstrem boleh membinasakan masyarakat dan negara seluruhnya. Nabi SAW telah memperingatkan kita untuk berwaspada terhadap sikap ekstrem termasuk melampau dalam beragama kerana sikap itulah yang banyak membinasakan umat terdahulu. Baginda SAW bersabda:

أَيُّهَا النَّاسُ، إِيَّاكُمْ وَالْغُلُوْ فِي الدِّينِ، فَإِنَّمَا أَهْلَكَ مَنْ كَانَ قَبْلَكُمْ الْغُلُوْ فِي الدِّينِ

Maksudnya: “Wahai sekalian manusia! Berwaspadalah terhadap sikap ekstrem dalam beragama kerana perkara yang membinasakan umat sebelum kamu ialah sikap ekstrem dalam beragama”.

Islam turut menolak segala bentuk kekerasan sama ada melalui pertuturan dan tindakan. Ekstremisme hanya memunculkan fitnah yang lebih dahsyat, perpecahan, kebencian, dan kehancuran negara. Maka, kita perlu lebih bijak dan rasional dalam menghadapi sesuatu isu. Usah biarkan emosi mendahului setiap keputusan, pertuturan dan tindakan kita. Sebaliknya berfikirkan dengan waras dan kembalilah kepada al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi penyelesaian bagi segala kekeliruan.

SAUDARA-SAUDARAKU YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Dalam mendepani isu yang berlaku di negara kita ketika ini, seharusnya, semua pihak memberi ruang yang secukupnya kepada seluruh pihak berkuasa untuk menjalankan tugas dan peranan masing-masing. Tidak seharusnya kita sibuk bertelagah, menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain. Sebaliknya, kita perlu bermuhasabah dengan diri sendiri atas segala yang berlaku.

Dari pada mengkritik, menuduh, mencari kesalahan, mencerca dan sebagainya di media-media sosial, bukankah lebih baik kita diam atau setidak-tidaknya kita doakan kesejahteraan dan keselamatan serta turut mendoakan mereka yang terlanjur diberi petunjuk hidayah untuk kembali bertaubat kepada Allah SWT?

Begitulah seharusnya sikap seorang Mukmin yang saling mendoakan kebaikan orang lain kerana mereka tahu bahawa kebaikan doa itu akan berbalik kepada dirinya sendiri dan masyarakat seluruhnya.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abi Darda' bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ عَبْدٍ مُسْلِمٍ يَدْعُو لِأَخِيهِ بِظَهِيرِ الْغَيْبِ إِلَّا قَالَ الْمَلَكُ وَلَكَ يُمْلِئُ

Maksudnya: “Tidak ada seorang Muslim pun yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (sesama muslim) yang berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan malaikat akan mendoakannya pula: ‘Dan bagimu kebaikan yang sama’.”

Mimbar turut merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Polis Diraja Malaysia yang telah melaksanakan Ops Global bersama-sama pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kimia bagi membendung ajaran yang menyimpang serta mengekang sebarang perbuatan jenayah yang bertentangan dengan undang-undang. Diharapkan agar operasi ini akan diper mudahkan dan dapat memberi keadilan kepada semua pihak. Semoga Allah SWT melindungi dan memelihara negara dan umat Islam di negara ini dari sebarang penyelewengan akidah, syariah dan akhlak.

Justeru, mengakhiri khutbah pada hari ini, saya ingin merumuskan beberapa perkara:

Pertama: Ahli Sunnah wal Jamaah ialah mereka yang menuruti pegangan dan jalan hidup yang dibawa oleh Rasulullah SAW dan para sahabat. Inilah satu-satunya kelompok yang terselamat dari neraka. Maka seharusnya kita berpegang teguh dengan manhaj Ahli Sunnah wal Jamaah.

Kedua: Persiapkan diri dengan akidah dan iman yang teguh dalam mendepani pelbagai bentuk ajaran yang menyeleweng dari pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Ketiga: Berhenti menuding jari dan menyalahkan antara satu sama lain, sebaliknya bermuhasabahlah dan doakan semoga semuanya kembali kepada landasan Islam yang sebenar. Ia lebih baik kerana manfaatnya juga akan dinikmati meliputi seluruh umat. *Insya-Allah.*

Renungkan firman Allah SWT dalam Surah al-A'raaf ayat 158:

قُلْ يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَمَنِ اتَّقَى بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبَعَهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ
١٥٨

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya aku adalah Pesuruh Allah kepada kamu semuanya, (diutus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia; Yang menghidupkan dan mematikan. Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya, Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimah-Nya (Kitab-kitab-Nya); dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنْ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تَقْعِيدِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّكُمِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلِكُتُهُ وَيُصَلِّونَ عَلٰى
النَّبِيِّ يَا يٰيَاهَا أَلَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوٰا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۖ

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيَتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ جَلَالَةً مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا
مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا يَعِيشُ دَفْرَتوَانَ اكْنُوَغْ سُلْطَانَ إِبْرَاهِيمَ.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعِيشُ مِنْهَا مُولِيَا سَرِيِّ قُدوَّكَ بِكِينِدَا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوَغْ، رَاجِ
زَارِيَثُ صُوفِيَاَهُ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عَلِمَاءَهُ وَوزَراءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيَزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعْزِزِ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَمْتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ انصِرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعِفِينَ فِي فَلَسْطِينَ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana pun. Ya Allah! Kami mohon agar Engkau angkatlah bencana dari Gaza dan rakyatnya, berilah mereka kemenangan ke atas musuh mereka, ampuni mereka dan singkirkanlah duka yang melanda kami dan mereka. Ya Allah! Perbaikilah segala urusan kami dan urusan-urusan yang memberi kebaikan kepada umat Islam. Satukanlah hati kami seluruh umat Islam dan singkirkanlah perpecahan yang timbul dalam kalangan kami. Ya Allah! Limpahkanlah rahmat-Mu ke atas kami dan jangan jadikan kami termasuk orang-orang yang terhalang dari nikmat-Mu. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kesengsaraan, kemarau, banjir, kezaliman, kesesatan, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Ya Allah! Bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai. Dengan rahmat-Mu, wahai Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

رَبَّنَا آتَانَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعْظُمُ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ.
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.